



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

PELAN ANTIRASUAH UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) 2024-2028

#UniMAPMantap #UniMAP4Society #Engineering4Society
Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan



#gemilangbersamaunimap
www.unimap.edu.my

#UniversitiMalaysiaPerlis



SENARAI SINGKATAN

UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
OACP	Organizational AntiCorruption Plan
Pejabat PUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti
PTJ	Pusat Tanggungjawab
LPU	Lembaga Pengarah Universiti
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
JKPU	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
AMC	Pusat Pengurusan Akademik
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan
BPA	Bahagian Pengurusan Akademik
CGS	Pusat Pengajian Siswazah
CIC	Pusat Inovasi dan Pengkomersialan
PDCE	Pusat Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Berterusan
P3P	Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar
DMDC	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital

KANDUNGAN

Amanat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	I
Amanat Naib Canselor	II
Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi UniMAP	III
BAB 1 : PENGENALAN	1
→ Latar Belakang UniMAP	1
→ Visi, Misi, Falsafah UniMAP	1
→ Carta Organisasi	2
BAB 2 : DEFINISI RASUAH	3
BAB 3 : PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP	4
→ Ringkasan Eksekutif Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028	4
→ Proses Kerja Pembangunan OACP UniMAP	4
→ Punca Kuasa Pembangunan OACP UniMAP	5
→ Penilaian Risiko Rasuah	6
BAB 4 : KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UniMAP	15
→ Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 Mengikut Bidang Keutamaan	16
→ BIDANG KEUTAMAAN 1: Pengurusan Tadbir Urus dan Sumber Manusia	16
→ BIDANG KEUTAMAAN 2: Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	18
→ BIDANG KEUTAMAAN 3: Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	21
→ BIDANG KEUTAMAAN 4: Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	24
BAB 5 : MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	28
→ Pemantauan dan Semakan Semula	28
→ Penetapan Indikator	30
BAB 6 : KESIMPULAN	31
BAB 7 : JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP 2024-2028	32
RUJUKAN	35

AMANAT

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Salam Ilmu Keikhlasan
Kecemerlangan UniMAP
Salam Malaysia MADANI**

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, UniMAP telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Perlis 2024-2028 (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP).

Sekalung tahniah dan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menggubal dan membangunkan Pelan Antirasuah UniMAP selaras dengan hasrat kerajaan untuk membasmi jenayah rasuah sehingga ke akar umbinya.

Pembangunan Pelan Antirasuah UniMAP memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak yang terlibat. Justeru, kejayaan UniMAP dalam membangunkan Pelan Antirasuah UniMAP adalah merupakan manifestasi pihak pengurusan UniMAP dalam menjayakan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah.

Saya yakin bahawa usaha ke arah pemantauan inisiatif dalam Pelan Antirasuah UniMAP ini akan dilaksanakan dengan rapi dan teliti. Saya juga yakin dan percaya usaha penambahbaikan akan sentiasa digerakkan oleh pihak pengurusan tertinggi UniMAP agar segala inisiatif yang dirancang selari dengan hasrat murni pihak kerajaan.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada UniMAP dan marilah kita bersama-sama berdoa agar negara ini akan sentiasa makmur, sentosa dan bebas daripada jenayah rasuah.

Tan Sri Dato' Sri Sufri Hj. Mohd Zin
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Malaysia Perlis



AMANAT NAIB CANSELOR



Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Salam Ilmu Keikhlasan
Kecemerlangan UniMAP
Salam Malaysia MADANI**

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, penerbitan dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Universiti Malaysia Perlis telah dapat disiapkan. Ia dibangunkan dengan hasrat untuk meningkatkan integriti serta tadbir urus di UniMAP.

Dokumen ini juga adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan memerangi rasuah selaras dengan inisiatif di bawah inisiatif 2.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan – NACP), iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Malah, ia juga selari dengan hasrat Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa menegaskan bahawa negara akan dikemudi dan ditadbir dengan lebih tegas bermula tahun kedua pentadbiran, khususnya bagi memartabatkan semula imej negara di mata dunia dengan tumpuan utama adalah untuk menghentikan amalan rasuah serta salah guna kuasa.

Justeru, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) UniMAP merupakan dokumen antirasuah utama yang memaparkan kesungguhan dan komitmen bagi seluruh warga UniMAP untuk menghapuskan amalan rasuah dan salah laku integriti dalam organisasi.

Pelan yang dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko-risiko, kelemahan dan ketirisan dalam aspek governans, integriti dan rasuah di UniMAP.

Bersama-samalah kita berusaha untuk sentiasa memelihara imej dan kredibiliti UniMAP dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan penuh amanah dan dedikasi. Saya juga memohon semua warga UniMAP untuk memelihara dan mempamerkan ilmu dan akhlak yang tinggi serta bersifat holistik sebagai teladan kepada semua warga UniMAP.

Sekian. Terima kasih.

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi UniMAP

UniMAP komited untuk mempraktikkan tadbir urusterbait melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada warga UniMAP dan pemegang taruh serta:-

1. UniMAP komited untuk menjalankan aktivitinya secara adil, jujur dan terbuka mengikut perundangan yang berkaitan, dan dengan standard integriti tertinggi.
2. UniMAP tidak bertoleransi terhadap rasuah dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah rasuah berkenaan dengan aktivitinya di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

Tujuan pelan ini adalah untuk menetapkan tanggungjawab UniMAP dan mereka yang bertindak bagi pihaknya dalam menegakkan pendiriannya dalam mencegah rasuah. Universiti akan menyemak pelan ini dan prosedur sokongan secara berkala (sekurang-kurangnya setiap tiga tahun). Semua staf dan pelajar UniMAP perlu memastikan:-

- bertindak secara adil dan saksama tanpa pilih kasih atau berat sebelah;
- memahami tanggungjawab mereka di bawah pelan ini dan dasar berkaitan dan mematuhi pada setiap masa;
- mengambil tindakan terhadap perlakuan rasuah oleh atau bagi pihak Universiti; dan
- melaporkan sebarang syak wasangka rasuah atau kebimbangan lain melalui saluran yang ditetapkan.

BAB 1 - PENGENALAN

Latar Belakang UniMAP

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditubuhkan di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-17 pada 25 Julai 2001. Universiti ini pada mulanya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sebelum ditukar ke UniMAP pada 1 Februari 2007. Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi dan kompeten bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara, selain memberi alternatif bagi pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis memandangkan pendekatannya yang mengintegrasikan gunaan dan kemahiran.



MISI

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada pembangunan dan daya saing industri negara.



VISI

Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.



NILAI TERAS

Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan.

OBJEKTIF PENUBUHAN

Pelajar

Untuk membangunkan pemimpin masa hadapan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)

Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

Komuniti

Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

Penyelidikan

Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusia.

Fakulti dan Staf

Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.


Budaya Kampus

Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

Pembangunan Bangsa


Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS



ILMU . KEIKHLASAN . KECEMERLANGAN

KEMASKINI 1 SEPTEMBER 2022



BAB 2 - DEFINISI RASUAH

Rasuah (daripada Arab: رشوة, rumi: rasywah) merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan (favours) dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tertentu.

Rasuah juga boleh didapatkan dari pelbagai sumber seperti 'derma' atau sumbangan dari pihak lain untuk mendapatkan sesuatu yang mereka ingini dengan cara mudah atau jalan pintas, di mana si penerima meminta atau memberikan isyarat (hint) untuk mendapatkan 'derma' tersebut untuk melakukan aktiviti yang dipinta oleh si pemberi.

Pentakrifannya menurut Transparency International pula ialah 'perilaku di jabatan-jabatan atau pejabat-pejabat awam, termasuklah para politikus dan pegawai-pegawai, yang secara tidak wajar dan tidak sah/menurut undang-undang, mengayakan diri atau memperkaya kerabatnya (keluarga dan sahabat handai) dengan menyalahgunakan kuasa dan kepercayaan awam yang diberi kepada mereka'.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], terdapat empat (4) kategori kesalahan utama berhubung rasuah seperti yang berikut :



Meminta / Menerima suapan
Seksyen 16(a) dan Seksyen 17(a) Akta 694



Menawar/ Memberi suapan
Seksyen 17(b) Akta 694



Mengemukakan tuntutan palsu
Seksyen 18 Akta 694



Salah guna jawatan atau kedudukan oleh pegawai awam
Seksyen 23 Akta 694

Mengikut takrifan yang diberikan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), rasuah ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

BAB 3 - PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP

Ringkasan Eksekutif Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028

Pelan Antirasuah Nasional (National Anti Corruption Plan atau NACP) dilancarkan pada 29 Januari 2019 [2019 – 2023] bagi tempoh masa 5 tahun. NACP merupakan dasar utama negara berkaitan antirasuah. Dasar ini terpakai kepada semua kementerian, agensi awam, GLC dan syarikat swasta. Dengan adanya NACP, pelan-pelan lain seperti Pelan Integriti Nasional (PIN) Government Transformation Programme (GTP) adalah terbatal.

Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 (OACP UniMAP) merupakan dokumen yang dihasilkan dengan menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah seiring dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP), iaitu di bawah inisiatif 2.1.5 dan juga arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No 1 Tahun 2019 sepertimana berikut:

Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

PELAN ANTIRASUAH UniMAP 2024-2028

VISI

UniMAP Berintegriti,
Akauntabiliti, Ikhlas dan Telus

MISI

Memantapkan Nilai Integriti dan memperkukuhkan tadbir urus melalui pembudayaan dan pematuhan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.

Proses Kerja Pembangunan OACP UniMAP

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Kelulusan Kertas Cadangan di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) UniMAP. Tujuan kelulusan mengadakan bengkel dan peruntukan kewangan	13 Disember 2022
2.	Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) UniMAP bagi bengkel OACP UniMAP dan pelantikan Ahli Jawatankuasa Bengkel Penggubalan OACP	20 Disember 2022

Bil	Perkara	Tarikh
3.	Lantikan Ahli Jawatankuasa Kerja Penggubalan Pelan Antirasuah UniMAP Tahun	2 Januari 2023
4.	Mengumpul maklumat / data (sekunder) berkaitan isu rasuah, integriti dan tadbir urus bagi Penganalisan data	Februari 2023 – Jun 2023
5.	Bengkel Penggubalan Pelan Anti Rasuah UniMAP	12 – 15 Jun 2023
6.	Bengkel Lanjutan untuk Tadbir Urus dan Sumber Manusia. Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Jabatan Pendaftar	20 Julai 2023
7.	Sesi perbincangan bagi pemurnian empat (4) komponen	25 Ogos – September 2023
8.	Perakuan Pelan Antirasuah UniMAP di peringkat Jawatankuasa Antirasuah UniMAP	6 November 2023
9.	Kelulusan Pelan Antirasuah UniMAP di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)	10 Januari 2024
10.	Kelulusan Pelan Antirasuah UniMAP di peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	19 Februari 2024
11.	Pelancaran Pelan Antirasuah UniMAP Tahun 2024-2028 kepada semua warga UniMAP	Mac 2024

Punca Kuasa Pembangunan OACP UniMAP

Punca kuasa dalam membangunkan OACP UniMAP ialah –

- i. Inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023;
- ii. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Nasional (Perkara 6 – Pengurusan OACP);
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) kali pertama pada 8 Jun 2018; dan
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah UniMAP

Proses pembangunan pelan ini bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP UniMAP pada bulan Januari 2023. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Ts Dato' Zaliman Sauli, Naib Canselor, dianggotai oleh sekumpulan staf terdiri daripada bahagian pentadbiran dan sumber manusia, akademik, kewangan, pembangunan dan bahagian penyelidikan. Unit Integriti, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti sebagai penyelaras dan urus setia OACP UniMAP.

Bengkel OACP telah dilaksanakan pada 12 Jun 2023 hingga 15 Jun 2023 dengan penyeliaan daripada Puan Halimah Sharif, mantan Pegawai SPRM yang mempunyai pengetahuan luas berkenaan Pelan Antirasuah Organisasi.

Jawatankuasa ini berperanan untuk menetapkan hala tuju dan melaksanakan semua proses pembangunan OACP sehingga diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu, enam (6) hingga 12 bulan.

Selepas empat (4) bulan, Pelan ini diperakukan oleh Jawatankuasa Anti Rasuah UniMAP pada 6 November 2023, seterusnya diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) UniMAP pada 10 Januari 2024 dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 6 Februari 2024.

PERANAN JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN OACP UniMAP



Penilaian Risiko Rasuah

LANGKAH PERTAMA, UniMAP telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/ Corruption Risk Analysis (CRA) bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan rasuah di UniMAP yang mungkin menjejaskan operasi dan imej UniMAP.

CRA merupakan satu alat pengurusan risiko (Risk Management Tool) yang boleh membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salah

guna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik bagi mewujudkan governans terbaik yang boleh menutupi ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

- i. Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN);

Ringkasan data kes tatatertib serta aduan/maklumat yang diproses oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti UniMAP (Pejabat PUU) adalah seperti yang berikut:

JENIS KESALAHAN	Tahun				
	2019	2020	2021	2022	2023
Tidak hadir bertugas			3	2	2
Salah laku			1		
Tidak bertanggungjawab					2
Keluar negara tanpa kebenaran					1
Ingkar arahan			1	2	
Kesilapan pengiraan/ pengisian markah peperiksaan pelajar				5	
Gangguan seksual		1			
Pecah kecil sebutharga / Perolehan	2				
Lain-lain kesalahan – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)			6		1
JUMLAH	2	1	11	9	6

Jika dilihat daripada data kes tatatertib UniMAP, tidak banyak kes salah laku dicatatkan dalam kalangan pegawai UniMAP. Kebanyakan pegawai yang terlibat dalam kes salah laku ini telah diberikan teguran dan surat peringatan.

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB STAF BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2023

JENIS HUKUMAN	Tahun				
	2019	2020	2021	2022	2023
Amaran			2		
Denda					
Lucut Hak Emolumen				2	2
Tangguh Pergerakan Gaji					
Turun Gaji			2		

JENIS HUKUMAN	Tahun				
	2019	2020	2021	2022	2023
Turun Pangkat					
Buang Kerja					
JUMLAH			4	2	2

ii. Data/Statistik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

STATISTIK (KERTAS SIASATAN) UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2022							
TAHUN	AKTA SPRM 2009 / APR 1997				AMLAFPUAA 2001	Kanun Keseksaan	Lain-Lain
	Terima Rasuah	Beri Rasuah	Tuntutan Palsu	Salah guna kuasa			
2017	0	0	0	0	0	0	0
2018	0	0	0	0	0	0	0
2019	0	0	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0	0	0
2021	0	0	0	0	0	0	0
2022	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	0	0	0	0	0	0	0

#kesemua data diperoleh melalui CRIS SPRM tarikh 13 Februari 2023


STATISTIK UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2022						
TAHUN	MAKLUMAT		KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
	Awam	Dalaman				
2017	3	0	0	1	1	0
2018	0	0	0	0	0	1
2019	1	0	0	0	0	0
2020	3	0	0	0	0	0
2021	6	1	0	0	0	0
2022	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	13	1	0	1	1	1

#kesemua data diperoleh melalui CRIS SPRM tarikh 13 Februari 2023

Merujuk kepada jadual di atas, pihak SPRM telah menerima sebanyak 13 aduan daripada pihak awam dan satu (1) daripada dalaman UniMAP bagi tempoh tahun 2017 hingga tahun 2022. Berdasarkan maklumat yang diterima, terdapat satu (1) tangkapan dan dikenakan pertuduhan seterusnya sabitan pada tahun 2018 melibatkan kes penyalahgunaan jawatan oleh staf pelaksana.

iii. Mengenal pasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah UniMAP –

Pengurusan Risiko Rasuah – Komponen Utama



(a) Mengenal pasti aktiviti

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen perlu menyenaraikan aktiviti yang terlibat di dalam operasi dengan menggunakan format Daftar Risiko. Ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti serta fungsi yang akan terlibat atau mempunyai peluang dan risiko dalam operasi harian di bahagian / jabatan / seksyen masing-masing.

(b) Mengenal pasti risiko

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen perlu berbincang secara kumpulan untuk mengenal pasti peluang dan risiko yang terlibat dan merekodkan di dalam Daftar Risiko. Peluang dan risiko yang terlibat perlu dikenal pasti mengikut aktiviti dan fungsi yang telah disenaraikan. Peluang dan risiko boleh dikenal pasti di dalam konteks organisasi dan keperluan daripada pemegang taruh.

(c) Mengenal pasti punca dan impak risiko

- Dari senarai peluang dan risiko yang terlibat, setiap bahagian / jabatan / seksyen akan berbincang untuk mengenal pasti punca dan impak risiko yang mungkin berlaku sekiranya risiko tersebut benar-benar berlaku. Risiko yang mempunyai impak ketara pada organisasi haruslah diteliti dan diberi fokus utama dalam pelan kawalan risiko dan dipantau dari semasa ke semasa.

(d) Menganalisa risiko

- Analisa risiko haruslah dilakukan untuk mengenal pasti sama ada risiko tersebut telah mempunyai kawalan sedia ada atau sebaliknya. Bagi risiko-risiko yang tiada kawalan sedia ada, pelan tindakan haruslah diwujudkan. Ianya adalah sebahagian daripada rawatan risiko bagi memastikan risiko yang terjadi dapat dikawal.

(e) Penilaian risiko

- Setiap bahagian / jabatan / seksyen akan menilai dan membezakan tahap risiko berdasarkan Matriks Risiko. Sebelum bahagian / jabatan / seksyen membuat penilaian tahap risiko daripada aktiviti atau fungsi yang terlibat, bahagian / jabatan / seksyen haruslah memahami kebarangkalian risiko terbabit, impak risiko dan penarafan risiko.

Matrik Risiko (the “5 by 5 matrix”)

Akibat \ Kebarangkalian	Tidak berkesan	Kecil	Sederhana	Besar	Kemusnahan
Hampir pasti berlaku (HPB)	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan berlaku (KB)	Sederhana	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Sederhana (S)	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan berlaku kecil (KBK)	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi
Jarang (J)	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Signifikan

Risiko diukur dalam terma wujud **kebarangkalian (likelihood)** & **akibat (consequence)**

TAHAP RISIKO

TINGGI

Risiko dengan kesan yang tinggi dan kemungkinan berlakunya kejadian. kawalan tidak berkesan atau penyebabnya adalah faktor luaran.

Memerlukan pelan tindakan risiko segera untuk mengurangkan pendedahan risiko.

SIGNIFIKAN

Risiko keutamaan dengan kesan yang tinggi dan kemungkinan berlakunya kejadian. **Memerlukan pelan tindakan risiko untuk mengurangkan pendedahan risiko** jika perlu.

SEDERHANA RENDAH

Risiko sederhana dan rendah dianggap sebagai risiko yang boleh diuruskan di mana kawalan berfungsi seperti yang ditetapkan, atau risiko yang wujud sudah menjadi tahap sederhana. Pelan tindakan risiko tidak diperlukan. **Pemantauan kawalan yang berterusan** adalah penting


(f) Rawatan risiko dan pemantauan

• Tindakan kawalan haruslah dilakukan oleh setiap bahagian / jabatan / seksyen bagi risiko yang lebih dari sederhana. Risiko yang tinggi perlu diutamakan berbanding risiko yang lebih rendah. Tindakan kawalan yang dicadangkan perlu mengambil kira tindakan untuk menghapuskan punca risiko.

LANGKAH KEDUA adalah penilaian sendiri oleh Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UniMAP melalui bengkel yang telah diadakan pada 12 Jun hingga 15 Jun 2023. Berdasarkan dapatan awal bengkel, sebanyak 40 risiko telah dikenal pasti.

- i. Pengurusan Tadbir Urus & Sumber Manusia
- ii. Pengurusan Akademik & Hal Ehwal Pelajar
- iii. Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
- iv. Kewangan & Pembangunan

Proses Penilaian Risiko Rasuah



Risiko-risiko ini telah dinilai dengan menggunakan matriks risiko bagi menentukan tahap kebarangkalian (likelihood) dan akibat (magnitude of impact). Risiko yang ditangani dalam Pelan Antirasuah UniMAP sewajarnya mempunyai sekurang-kurangnya skor tiga (3) dalam matriks risiko, manakala risiko selebihnya boleh ditangani secara dalaman.

Sebanyak 22 risiko telah dimuktamadkan dalam Daftar Risiko UniMAP hasil daripada beberapa siri pemurnian bersama pemegang taruh seperti jadual berikut:

	TAHAP RISIKO	JUMLAH
	TINGGI	9
	SIGNIFIKAN	6
	SEDERHANA	5
	RENDAH	2
	JUMLAH	22

PENARAFAN RISIKO

BIL	TAJUK RISIKO	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	PENARAFAN RISIKO
1.	Kebocoran maklumat, data dan dokumen sulit yang menyebabkan berlaku penyelewengan dan manipulasi maklumat demi kepentingan peribadi.	Governan Integriti Rasuah	Tadbir Urus & Sumber Manusia / Kewangan & Pembangunan	
2.	Kebocoran maklumat spesifikasi dan harga dalam dokumen perolehan kepada pihak yang berkepentingan daripada Pusat Tanggungjawab kepada pihak pembekal/kontraktor/syarikat.	Integriti Rasuah	Kewangan & Pembangunan	
3.	Kebocoran maklumat tender/sebut harga menjejaskan pelaksanaan perolehan dari segi pemilihan syarikat yang tidak kompeten, pembekalan/pembinaan tidak sempurna, seterusnya membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah.	Integriti Rasuah	Kewangan & Pembangunan	
4.	Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan.	Integriti Rasuah	Kewangan & Pembangunan	
5.	Pemalsuan dokumen dan tuntutan palsu.	Integriti Rasuah	Tadbir Urus & Sumber Manusia / Kewangan & Pembangunan	
6.	Kebocoran soalan peperiksaan kepada pelajar.	Integriti Rasuah	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	
7.	Pemeriksa kursus menerima habuan dengan memberikan tambahan markah atau gred yang lebih tinggi.	Integriti Rasuah	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	
8.	Pakatan dalam penipuan menghasilkan skrol akademik tiruan melibatkan staf dalaman dan pihak ketiga.	Integriti Rasuah	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	
9.	Plagiat kertas kerja oleh penyelidik / panel penilai untuk permohonan geran penyelidikan.	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
10.	Penyalahgunaan aset universiti.	Integriti Rasuah	Tadbir Urus & Sumber Manusia / Kewangan & Pembangunan	

BIL	TAJUK RISIKO	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	PENARAFAN RISIKO
11.	Pelajar meniru semasa peperiksaan/ plagiat .	Integriti Rasuah	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	
12.	Rujukan kepada peraturan, prosedur, pekeliling yang tidak relevan dan bercanggah dengan undang-undang / Perlembagaan Universiti.	Governan Integriti	Tadbir Urus & Sumber Manusia / Kewangan & Pembangunan	
13.	Salah laku tadbir urus, salah guna kuasa dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan tugas	Integriti Rasuah	Tadbir Urus & Sumber Manusia / Kewangan & Pembangunan	
14.	Pakatan dalam permohonan geran sepadan dengan syarikat luar yang mana penyelidik (staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar) mempunyai kepentingan peribadi.	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
15.	Ketidakpatuhan pelajar kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Perlis (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Peraturan Akademik Program Pengajian.	Governan Integriti	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	
16.	Memanipulasi pembayaran elaun kepada penyelidik termasuk pelajar ijazah tinggi dan pembantu penyelidik (RA).	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
17.	Penghasilan penerbitan, laporan dan data penyelidikan/ perundingan secara tidak berintegriti dan beretika.	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
18.	Penilaian permohonan geran penyelidikan dalaman yang tidak telus.	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
19.	Penilaian dan penetapan harga/nilai harta intelek yang tidak cekap dan telus.	Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
20.	Penubuhan syarikat pemula (start-up) bagi pengkomersialan harta intelek yang tidak mengikut prosedur yang berkuatkuasa.	Governan Integriti Rasuah	Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	
21.	Wujudnya ancaman terhadap pegawai yang mengendalikan siasatan kes tatatertib.	Governan Integriti	Tadbir Urus & Sumber Manusia	
22.	Pembayaran kepada stakeholder tidak mengikut prosedur.	Governan Integriti	Kewangan & Pembangunan	

BAB 4 - KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UniMAP

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenal pasti melalui kajian atau analisis terhadap data daripada pelbagai sumber yang dikompilasi dan diperoleh daripada risiko organisasi, isu audit serta bengkel yang diadakan. Hasilnya, OACP UniMAP yang dibangunkan ini menggariskan kerangka yang menyeluruh dalam usaha untuk memerangi rasuah dan salah laku.

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di UniMAP telah dikenal pasti, iaitu –

- i. Pengurusan Tadbir Urus & Sumber Manusia
- ii. Pengurusan Akademik & Hal Ehwal Pelajar
- iii. Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
- iv. Pengurusan Kewangan & Pembangunan

OACP UniMAP menggariskan inisiatif yang diharap mampu dihayati dan difahami oleh semua warga UniMAP bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan program antirasuah di UniMAP. Pelan ini juga adalah sebagai bukti komitmen UniMAP ke arah menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah.

UniMAP amat komited dengan usaha untuk memantapkan usaha-usaha pencegahan rasuah. UniMAP telah mengambil pendekatan-pendekatan komprehensif dengan menyediakan kawalan-kawalan dalaman, inisiatif-inisiatif yang dinyatakan dalam OACP ini adalah nilai tambah kepada usaha-usaha kawalan dan pencegahan yang sedia ada.

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UniMAP 2024-2028

PELAN ANTIRASUAH UniMAP				
VISI	UniMAP Berintegriti, Akauntabiliti, Ikhlas dan Telus			
MISI	Memantapkan Nilai Integriti dan memperkukuhkan tadbir urus melalui pembudayaan dan pematuhan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.			
MATLAMAT	Menghentikan rasuah dan menggalakkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti di semua peringkat.			
BIDANG KEUTAMAAN	Pengurusan Tadbir Urus dan Sumber Manusia	Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	Pengurusan Kewangan dan Pembangunan

PELAN ANTIRASUAH UniMAP				
OBJEKTIF STRATEGIK	Melaksana amalan tadbir urus terbaik universiti berdasarkan Akta, Perlembagaan dan dasar-dasar yang berkuat kuasa secara teratur dan sistematik.	Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Hal Ehwal Pelajar.	Memperkukuhkan ketelusan dan integriti dalam proses pengurusan dan pemantauan geran penyelidikan dan projek perundingan.	Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti Pengurusan Kewangan dan Pembangunan.

Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 Mengikut Bidang Keutamaan

Dalam membangunkan Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 untuk membendung amalan rasuah, salah laku dan penyalahgunaan kuasa, Jawatankuasa Pembangunan OACP telah mengenal pasti empat (4) bidang keutamaan, iaitu –

RINGKASAN INISIATIF MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN			
Pengurusan Tadbir Urus dan Sumber Manusia	Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
20	22	30	27

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TADBIR URUS DAN SUMBER MANUSIA

RINGKASAN		
Bidang Keutamaan 1	Pengurusan Tadbir Urus dan Sumber Manusia	
Strategi	Melaksana amalan tadbir urus terbaik universiti berdasarkan Akta, Perlembagaan dan dasar-dasar yang berkuat kuasa secara teratur dan sistematik.	
Objektif Strategik		Bilangan Inisiatif
1.1	Memantapkan Tadbir Urus, Sistem dan Peraturan	6
1.2	Meningkatkan Integriti dan Kecekapan Tadbir Urus	14
	JUMLAH	20

Objektif Strategik 1.1		Memantapkan Tadbir Urus, Sistem dan Peraturan			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Rujukan kepada peraturan, prosedur, pekeliling yang tidak relevan dan bercanggah dengan undang-undang / Perlembagaan Universiti.	1.	Menilai dan membuat semakan peraturan-peraturan / arahan / dasar / garis panduan agar sesuai dengan keperluan semasa.	Jabatan Pendaftar Pejabat PUU	Berterusan
		2.	Menyediakan Polisi Konflik Kepentingan.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		3.	Menyediakan akses /capaian semua peraturan-peraturan / arahan / dasar / garis panduan yang mudah seperti e-book, pendigitalan dan laman sesawang rasmi Universiti atau PTJ.	Jabatan Pendaftar DMDC	1 Tahun (2024-2025)
2.	Kebocoran maklumat, data dan dokumen sulit yang menyebabkan berlaku penyelewengan dan manipulasi maklumat demi kepentingan peribadi.	1.	Membangunkan polisi dan tatacara pengurusan dokumen, data dan maklumat terperingkat.	Jabatan Pendaftar	1 Tahun (2024-2025)
		2.	Mematuhi peraturan pengurusan dokumen terperingkat di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan serta peraturan-peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.	PTJ	Berterusan
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Jabatan Pendaftar Pejabat PUU	Berterusan
Objektif Strategik 1.2		Meningkatkan Integriti dan Kecekapan Tadbir Urus			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Salah laku tadbir urus, salah guna kuasa dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan tugas.	1.	Meningkatkan kefahaman dan kesedaran berkaitan kepatuhan kepada peraturan, etika dan integriti.	PTJ Pejabat PUU	Berterusan
		2.	Mengadakan naziran dalaman bagi mengenal pasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara Jabatan/Bahagian.	PTJ	Berterusan
		3.	Memantapkan pengurusan kes tatatertib melalui pewujudan prosedur kerja dan garis panduan.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		4.	Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah.	PTJ Pejabat PUU	Berterusan
		5.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan
		6.	Mewujudkan mekanisme pengauditan spontan (mystery shopping) secara berkala bagi menangani isu staf bermasalah.	Jabatan Pendaftar Pejabat PUU	Berterusan
		7.	Melaksanakan proses pemantauan / audit dalaman secara berkala.	Pejabat Audit Dalam	Berterusan

2.	Penyalahgunaan aset Universiti.	1.	Memantapkan tatacara/ prosedur pengurusan, penggunaan, penyimpanan, dan perekodan aset universiti berdasarkan peraturan-peraturan dan dasar yang berkuat kuasa.	Jabatan Bendahari	Berterusan
		2.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan
		3.	Melaksanakan Latihan / kursus/ bengkel kesedaran secara berkala kepada semua pegawai.	Jabatan Bendahari	Berterusan (sekali setiap tahun)
3.	Wujudnya ancaman terhadap pegawai yang mengendalikan siasatan kes tatatertib.	1.	Mewujudkan Garis Panduan Siasatan.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		2.	Mewujudkan buku panduan mengurus dan melaporkan tindakan tatatertib.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		3.	Mengadakan program pemantapan kemahiran siasatan kepada pegawai penyiasat / jawatankuasa siasatan.	Pejabat PUU	Berterusan
		4.	Memantapkan Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy).	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)

BIDANG KEUTAMAAN 2: PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR

RINGKASAN		
Bidang Keutamaan 2		Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar
Strategi		Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar
Objektif Strategik		Bilangan Inisiatif
2.1	Memperkasa kualiti dan tadbir urus akademik	12
2.2	Memperkasa kurikulum pendidikan berkaitan integriti dan etika	10
JUMLAH		22

Objektif Strategik 2.1		Memperkasa Kualiti dan Tadbir Urus Akademik			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pemeriksa kursus menerima habuan dengan memberikan tambahan markah atau gred yang lebih tinggi.	1.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut keperluan dengan Kerjasama Pusat Tanggungjawab.	AMC Pejabat PUU	Berterusan
		2.	Membuat pengauditan kertas jawatan melalui pemeriksaan silang peringkat dalam Fakulti / Institut secara berkala oleh Jawatankuasa yang dilantik.	AMC	Berterusan
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada staf yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.		
2.	Pakatan dalam penipuan menghasilkan skrol akademik tiruan melibatkan staf dalaman dan pihak ketiga.	1.	Mewujudkan sistem semakan pengesahan skrol yang boleh diakses oleh syarikat/agensi di luar daripada Universiti.	AMC DMDC	2 tahun (2024 – 2026)
3.	Kebocoran soalan peperiksaan kepada pelajar.	1.	Menyemak dan membuat Penambahbaikan Peraturan Akademik UniMAP dan Pekeliling Peperiksaan Bil. 1/2023 persediaan pelaksanaan peperiksaan akhir	BPA Pejabat PUU DMDC	1 tahun (2024 – 2025)
		2.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut keperluan dengan Kerjasama Pusat Tanggungjawab.	BPA Pejabat PUU	Berterusan
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada staf /pelajar yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.		
		4.	Melantik Jawatankuasa Khas Penilaian (Vetting) Kertas Soalan Peperiksaan	BPA	Berterusan
		5.	Menaik taraf teknologi	AMC DMDC	Berterusan
		6.	Pusingan kerja Pensyarah (Tertentu sahaja)	Jabatan Pendaftar	Setiap 3 tahun atau mengikut keperluan
		7.	Menguatkuasakan prosedur pengurusan – i. penyediaan soalan dan cetakan kertas peperiksaan; ii. penyeliaan peperiksaan; iii. pemarkahan skrip peperiksaan / tesis pelajar	AMC	2 tahun (2024 – 2026)

Objektif Strategik 2.2		Memperkasa Kurikulum Pendidikan Berkaitan Integriti dan Etika			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Ketidakpatuhan pelajar kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [AktaA1342] (AUKU), Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Perlis (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Peraturan Akademik Program Pengajian.	1.	Membangunkan garis panduan pendidikan integriti bersepadu di peringkat Universiti.	AMC CGS PDCE Pejabat PUU	Berterusan
		2.	Membudayakan nilai integriti melalui penganjuran program dan kempen bertemakan etika dan integriti.	P3P AMC CGS Pejabat PUU	Berterusan
		3.	Mengadakan 2 kali Taklimat AUKU, Perlembagaan UniMAP dan Peraturan-Peraturan UniMAP pada minggu suai kenal (kemasukan pelajar baharu) dan pelajar senior (tahun 3 pengajian), serta diangkat sebagai salah satu syarat program PILLARS.	P3P AMC CGS Pejabat PUU	Berterusan (setahun 2 kali)
		4.	Tayangan/paparan ikrar aku janji sebagai angkatan mahasiswa anti rasuah sebelum setiap kelas dimulakan.	P3P AMC CGS Pejabat PUU	Berterusan
		5.	Menganjurkan kursus Integriti kepada pelajar sebagai syarat wajib PILLARS bagi tujuan bergraduasi.		Berterusan
		6.	Menambah kandungan berkaitan perihal AUKU, Tatatertib Pelajar dan Peraturan Akademik di dalam Garis Panduan Penasihat Akademik.		2 tahun (2024 – 2026)
		7.	Membudayakan nilai integriti pelajar melalui penganjuran program integriti secara berkala.		Berterusan
2.	Pelajar meniru semasa peperiksaan/plagiat.	1.	Meningkatkan tahap kesedaran terhadap salah laku meniru di dalam peperiksaan/Plagiat melalui taklimat.	AMC Fakulti	Berterusan
		2.	Memberi taklimat kepada fakulti tentang tanggungjawab Ketua Pengawas/Pengawas peperiksaan semasa menghadapi situasi pelajar meniru dalam peperiksaan.		
		3.	Mewujudkan poster/infografik sebagai satu kempen memberi kesedaran kepada pelajar dan staf.		

3.	Wujudnya ancaman terhadap pegawai yang mengendalikan siasatan kes tatatertib.	1.	Mewujudkan Garis Panduan Siasatan.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		2.	Mewujudkan buku panduan mengurus dan melaporkan tindakan tatatertib.	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)
		3.	Mengadakan program pemantapan kemahiran siasatan kepada pegawai penyiasat / jawatankuasa siasatan.	Pejabat PUU	Berterusan
		4.	Memantapkan Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy).	Pejabat PUU	1 Tahun (2024-2025)

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

RINGKASAN		
Bidang Keutamaan 3		PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN
Strategi		Memantapkan Tadbir Urus Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan ke Arah Tadbir Urus Berkualiti, Profesional dan Telus
Objektif Strategik		Bilangan Inisiatif
3.1	Meningkatkan ketelusan dan integriti dalam proses permohonan dan penilaian geran penyelidikan	13
3.2	Memperkukuhkan ketelusan dan integriti dalam proses pengurusan dan pemantauan geran penyelidikan dan projek perundingan	7
3.3	Mempertingkatkan ketelusan dan integriti dalam pengurusan dan pelaporan hasil penyelidikan (penerbitan, harta intelek, pengkomersialan)	10
JUMLAH		30

Objektif Strategik 3.1		Meningkatkan Ketelusan dan Integriti dalam Proses Permohonan dan Penilaian Geran Penyelidikan.			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Pakatan dalam permohonan geran sepadan dengan syarikat luar yang mana penyelidik (staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar) mempunyai kepentingan peribadi .	1.	Menambah baik garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) permohonan penyelidikan terutamanya geran sepadan dalaman.	RMC	2 Tahun (2024 – 2026)
		2.	Menguatkuasakan borang deklarasi konflik kepentingan.		Berterusan
		3.	Menambah baik terma rujukan dan Polisi Penyelidikan.		1 Tahun (2024 – 2025)
		4.	Membuat penilaian wajar (due diligence) status syarikat luar yang terlibat dalam geran penyelidikan.	RMC Pejabat PUU	Berterusan
		5.	Hebahan secara berkala tentang prosedur dan garis panduan berkaitan geran penyelidikan.	RMC	Berterusan (sekali setiap tahun)
		6.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut keperluan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab.	Pejabat PUU	Berterusan (sekali setiap tahun)
2.	Penilaian permohonan geran penyelidikan yang tidak telus.	1.	Menambah baik tatacara/garis panduan penilaian permohonan geran.	RMC	1 Tahun (2024 – 2025)
		2.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut keperluan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab.	Pejabat PUU	Berterusan (sekali setiap tahun)
		3.	Menguatkuasakan penggunaan <i>Non Disclosure Agreement</i> (NDA).	RMC	Berterusan
3.	Plagiat kertas kerja oleh penyelidik / panel penilai untuk permohonan geran penyelidikan.	1.	Menambah baik Polisi Penyelidikan (etika) berkaitan permohonan geran penyelidikan.	RMC	1 Tahun (2024 – 2025)
		2.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti mengikut keperluan dengan Kerjasama Pusat Tanggungjawab.	Pejabat PUU	Berterusan (sekali setiap tahun)
		3.	Hebahan saluran untuk aduan dan menggalakkan penyelidik membuat laporan.	RMC Pejabat PUU	Berterusan
		4.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada penyelidik / panel penilai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan

Objektif Strategik 3.2		Memperkukuhkan Ketelusan dan Integriti dalam Proses Pengurusan dan Pemantauan Geran Penyelidikan dan Projek Perundingan			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Memanipulasi pembayaran elaun kepada penyelidik termasuk pelajar ijazah tinggi dan pembantu penyelidik (RA).	1.	Menambahbaik terma rujukan urusan pelantikan , penyeliaan dan pemantauan pelajar ijazah tinggi dan pembantu penyelidik (RA).	RMC CGS	2 Tahun (2024 – 2026)
		2.	Menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Geran Penyelidikan (tatacara kewangan, pembayaran honorarium dan tuntutan imbuhan).	RMC	1 Tahun (2024 – 2025)
		3.	Mengadakan taklimat/hebahan berkala berkaitan etika/integriti/ rasuah.	Unit Integriti	Berterusan
		4.	Hebahan saluran untuk aduan dan menggalakkan pelajar membuat laporan.	Unit Integriti	Berterusan
Objektif Strategik 3.3		Mempertingkatkan Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan dan Pelaporan Hasil Penyelidikan (penerbitan, harta intelek, pengkomersialan)			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Penghasilan penerbitan, laporan dan data penyelidikan/ perundingan secara tidak berintegriti dan beretika	1.	Mengadakan taklimat/hebahan berkala berkaitan etika/integriti/ rasuah.	Unit Integriti RMC	Berterusan (sekali setiap tahun)
		2.	Menambah baik dan mengemaskini Polisi Penyelidikan dan Polisi Penerbitan.	RMC Pejabat Penerbit	1 tahun (2024 - 2025)
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan
2.	Penilaian dan penetapan harga/nilai harta intelek yang tidak cekap dan telus.	1.	Menambah baik Polisi Pengkomersialan Harta Intelek.	CIC	1 Tahun (2024- 2025)
		2.	Menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) teknik penilaian dan penetapan harga harta intelek (IP valuation).	CIC	2 Tahun (2024 – 2026)
		3.	Mengadakan taklimat/hebahan berkala berkaitan etika/integriti/ rasuah.	Unit Integriti	Berterusan
		4.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan
3.	Penubuhan syarikat pemula (start-up) bagi pengkomersialan harta intelek yang tidak mengikut prosedur yang berkuatkuasa	1.	Mewujudkan Polisi Penubuhan Syarikat Pemula (Start-Up).	Jabatan Bendahari	1 Tahun (2024 – 2025)
		2.	Mengadakan taklimat/hebahan berkala berkaitan etika/integriti/ rasuah.	Unit Integriti	Berterusan
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan

BIDANG KEUTAMAAN 4: PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

RINGKASAN		
Bidang Keutamaan 4		PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN
Strategi		Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
Objektif Strategik		Bilangan Inisiatif
4.1	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan	8
4.2	Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dokumen bayaran	8
4.3	Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan projek pembangunan	5
4.4	Meningkatkan tadbir urus dan pengurusan projek pembangunan	6
JUMLAH		27

Objektif Strategik 4.1		Memperkasakan Kurikulum Pendidikan Berkaitan Integriti dan Etika			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOHMASA
1.	Kebocoran maklumat spesifikasi dan harga dalam dokumen perolehan kepada pihak yang berkepentingan daripada Pusat Tanggungjawab kepada pihak pembekal/kontraktor/syarikat.	1.	Memperkasakan proses pengurusan perolehan termasuk Sistem e-Perolehan.	Jabatan Bendahari	2 Tahun (2024 – 2026)
		2.	Memperkasakan Jawatankuasa Pra Tender (Spesifikasi, tender/ sebut harga)	Jabatan Bendahari	2 Tahun (2024 – 2026)
		3.	Tambah baik kawalan dalaman, prosedur dan garis panduan berkaitan perolehan	Jabatan Bendahari	1 Tahun (2024 -2025)
		4.	Menguatkuasakan <i>Integrity Pact</i> .	Jabatan Bendahari	1 Tahun (2024 -2025)
		5.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti di peringkat Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab.	Jabatan Pendaftar Jabatan Bendahari Unit Integriti	Berterusan (sekali setiap tahun)
		6.	Mematuhi peraturan pengurusan dokumen terperingkat di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan dan peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.	Jabatan Bendahari	Berterusan
		7.	Menyediakan senarai semak perolehan yang perlu digunapakai oleh semua PTJ dalam pengurusan perolehan.	Jabatan Bendahari	Berterusan
		8.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Jabatan Bendahari	Berterusan

Objektif Strategik 4.2		Memperkasa Kurikulum Pendidikan Berkaitan Integriti dan Etika			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOHMASA
1.	Pembayaran kepada <i>stakeholder</i> tidak mengikut prosedur.	1.	Menambahbaik peraturan penurunan kuasa dan had kuasa kewangan kepada staf yang menguruskan kewangan.	Jabatan Bendahari	1 Tahun (2024 -2025)
		2.	Melaksanakan Latihan / kursus/ bengkel kesedaran secara berkala kepada semua pegawai yang diberi kuasa kewangan.	Jabatan Bendahari	Berterusan (sekali setiap tahun)
		3.	Menambahbaik prosedur kewangan berkaitan pembayaran seperti e-TEP dan e-OT.	Jabatan Bendahari	2 Tahun (2024 – 2026)
		4.	Menyediakan senarai semak perolehan yang perlu diguna pakai oleh semua PTJ dalam pengurusan perolehan.	Jabatan Bendahari	1 Tahun (2024 -2025)
		5.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Jabatan Bendahari Pejabat PUU	Berterusan
2.	Pemalsuan dokumen dan tuntutan palsu.	1.	Mengemaskini prosedur Pengurusan Bayaran dan menambah baik kawalan dalaman Pusat Tanggungjawab dan Jabatan Bendahari.	Jabatan Bendahari PTJ	Berterusan
		2.	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti di peringkat Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan dengan punitif/surcaj Pusat Tanggungjawab.	Jabatan Pendaftar Jabatan Bendahari Unit Integriti	Berterusan (sekali setiap tahun)
		3.	Mengenakan tindakan punitif dan surcaj kepada pelaku dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan

Objektif Strategik 4.3		Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Projek Pembangunan			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOHMASA
1.	Kebocoran maklumat tender/sebut harga menjejaskan pelaksanaan perolehan dari segi pemilihan syarikat yang tidak kompeten, pembekalan/ pembinaan tidak sempurna seterusnya membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah.	1.	Menambah baik polisi dan tatacara pengurusan dokumen, data dan maklumat terperingkat.	Jabatan Pendaftaran	1 Tahun (2024 -2025)
		2.	Mematuhi peraturan pengurusan dokumen terperingkat di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan serta peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.	Jabatan Pembangunan	Berterusan
		3.	Melaksanakan sepenuhnya Surat Arahan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan (daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan KPKK(R) 600-1/1JLD.2(3) bertarikh 31 Januari 2019) yang melibatkan Mesyuarat Perolehan dan Jawatankuasa Tender.	Jabatan Pembangunan Jabatan Bendahari	Berterusan
		4.	Mengadakan latihan kepada pegawai terlibat secara menyeluruh bagi meningkatkan kemahiran.	Jabatan Pendaftaran	Berterusan
		5.	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.	Pejabat PUU	Berterusan

Objektif Strategik 4.4		Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Projek Pembangunan			
BIL	POTENSI RISIKO	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOHMASA
1.	Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan.	1.	Memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian kontraktor / syarikat utiliti dan penyelenggaraan.	Jabatan Pembangunan PTJ	Berterusan
		2.	Membuat pusingan pegawai yang menggagotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/sebut harga.	Jabatan Bendahari	Berterusan
		3.	Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.	PTJ	Berterusan
		4.	Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pemantauan infrastruktur ICT.	DMDC	1 Tahun (2024-2025)
		5.	Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah.	Unit Integriti	Berterusan
		6.	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sensitif (3-8 tahun) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2004.	Jabatan Pendaftaran	Berterusan

BAB 5 - MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pihak pengurusan Universiti komited dan menzahirkan komitmen dan jaminan dalam usaha mencegah rasuah kepada pemegang taruh (stakeholders) bahawa Universiti akan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa berkaitan rasuah.

Dari semasa ke semasa -

- a) Melaksanakan penilaian terhadap risiko, seterusnya melaksanakan usaha penambahbaikan.
- b) Mewujudkan langkah kawalan dan kontigensi yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah.
- c) Merangka polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan (conflict of interest), pelaksanaan due-diligence dalam proses pelantikan pembekal atau kontraktor, polisi mengenai sumbangan dan penaja dan prosedur bagi menggalakkan pelaporan rasuah dan salah laku. Setiap pelaksanaan polisi, prosedur dan inisiatif antirasuah mesti didokumentasikan dan dihebahkan kepada semua warga UniMAP.
- d) Melaksanakan program kesedaran dan latihan mengenai pencegahan rasuah secara berterusan.
- e) Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan ke atas staf yang terlibat dalam kes tatatertib.

Pemantauan dan Semakan Semula

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) UniMAP berfungsi sebagai mekanisme tertinggi membincangkan pelaksanaan dan pemantauan Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028. Manakala Unit Integriti akan bertindak sebagai penyelarasan induk kepada pemantauan dan pelaporan Pelan.

Pemantauan dan penilaian Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan Langkah-langkah yang digariskan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 (Siri 2 No.1 Tahun 2019) seperti yang berikut :



Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Pelaksanaan OACP UniMAP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara pihak Pengurusan Tertinggi, warga UniMAP dan pihak berkepentingan (stakeholder). Pemantauan memainkan peranan penting agar usaha memerangi rasuah mendapat komitmen daripada semua peringkat dengan penekanan terhadap ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti untuk mencapai keberhasilan seperti yang dirancang.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan OACP berjalan dengan teratur dan lancar, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP UniMAP diwujudkan. Jawatankuasa ini bertindak sebagai penyelaras utama dalam menggerak, memantau dan menilai Pelan OACP berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di samping pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR).

Pelaporan inisiatif-inisiatif OACP akan disalurkan melalui pegawai Fokal (Person in Charge) yang dilantik daripada setiap Pusat Tanggungjawab. Pegawai Fokal perlu membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP UniMAP secara berkala untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dikenal pasti dilaksanakan mengikut perancangan. Laporan pencapaian Pelaksanaan OACP akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UniMAP yang akan diadakan sebanyak 3 kali setahun.

Penetapan Indikator

Bagi memastikan pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan efektif, setiap inisiatif yang dirancang perlu diperincikan oleh Pusat Tanggungjawab/ Pelaksana dengan mengandungi perkara-perkara berikut –

- ♦ Perancangan aktiviti bagi setiap inisiatif
- ♦ Pemberat dalam bentuk peratus bagi setiap aktiviti
- ♦ Pusat tanggungjawab yang turut terlibat bagi setiap aktiviti
- ♦ Sasaran tarikh / bulan mula bagi setiap aktiviti
- ♦ Sasaran tarikh / bulan siap bagi setiap aktiviti
- ♦ Sasaran output [peratus, bilangan dan sebagainya bagi setiap aktiviti]
- ♦ Perancangan penilaian keberkesanan bagi setiap inisiatif

Format Pelaporan Pelan Anti Rasuah UniMAP 2024-2028

Pusat Tanggungjawab	
Bidang Keutamaan	
Strategi	
Objektif Strategik	
Inisiatif	
Tarikh Laporan	

Bil	Program / Aktiviti / Tindakan	Kumpulan Sasaran	Pelaksanaan Status	Tarikh Pelaksanaan	Catatan

BAB 6 - KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 menggariskan empat (4) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut ialah –

- i. Melaksana Amalan tadbir urus terbaik universiti berdasarkan Akta, Perlembagaan dan dasar-dasar yang berkuat kuasa secara teratur dan sistematik;
- ii. Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar;
- iii. Memantapkan Tadbir Urus Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan Ke Arah Tadbir Urus Berkualiti, Profesional dan Telus; dan
- iv. Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti Pengurusan Kewangan dan Pembangunan.

Strategi ini disusuli dengan beberapa program atau inisiatif yang dirangka bagi menghapuskan ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah. Pelan ini merupakan dokumen antirasuah pertama di UniMAP dan merupakan kesinambungan dari Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019– 2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus khususnya di UniMAP. Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif Pelan Antirasuah UniMAP 2024-2028 dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut perubahan dan keperluan semasa.

BAB 7 - JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP 2024-2028

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP

Pengerusi :	YBhg. Prof. Dr. Ts Dato' Zaliman Sauli Naib Canselor
Timbalan Pengerusi :	YBhg. Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Penasihat :	YBrs. Tuan Zainudin Zainon Penasihat Undang-Undang
Setiausaha :	Puan Norain Rusyilawati Aziz, Ketua Unit Integriti Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti
Urusetia :	Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti
Penceramah :	Puan Halimah Haji Md.Shariff Mantan Pegawai SPRM (Ketua Cawangan, Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Modul Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM)

Tadbir Urus & Sumber Manusia	Akademik & Hal Ehwal Pelajar	Penyelidikan & Penerbitan	Kewangan & Pembangunan
1. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon 2. YM Raja Shah Erman Raja Arifin 3. Puan Normiza Othman 4. Puan Aiza Jasmi 5. Puan Noor Aziana Ibrahaim 6. Dr. Shareez Sani Abdullah Sani 7. Puan Siti Fairus Mohd Arshad 8. Puan Shartina Ayob 9. En. Mustaffa Ismail 10. Puan Rozila Romali 11. Dr. Tan Chye Lih 12. Puan Rosmawatie Abd Latif 13. Puan Normiza Mahmud	1. Prof. Abdul Hamid Adom 2. Prof Madya Dr Muhammad Juhairi Aziz Safar 3. Dr Khairul Anwar Abdul Halim 4. Ts. Dr Syamir Alihan Showkat Ali 5. Hajjah Ruzalina Ibnu Ruslan 6. Puan Noora Md Yusoff 7. En. Hasrul Nizam Halim 8. Puan Noorzaissaffika Zainol	1. Prof. Madya Dr. Naimah Ibrahim 2. Dr. Ayu Wazira Azhari 3. Ir. Dr Razaidi Hussin 4. En. Zulhilizan Othman 5. Puan Azni Yantee Abdul Raoh 6. Prof Dr. Khairul Azwan Ismail 7. Prof Madya Dr. Harith Amlus 8. Dr. Azizi Harun 9. En. Yusrizal Munasip 10. Ir. Mohd Nasir Mat Saad	1. Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail 2. Dr Mohammad Shariff Ismail 3. Cik Intan Syarmiza Ab Rahman 4. En. Yusmie Abdul Rani 5. En. Jasni Hashim 6. Puan Masniza Mansor 7. En. Mohd Anuar Jalani @ Zaini 8. Puan Rohazna Wahab 9. En. Mohammad Najib Busu 10. Mohamad Afiq Durani 11. Nurul Syuhaidah Ahmad Suki 12. Mohd Asraf Mohd Noor

SOROTAN BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH UniMAP





RUJUKAN

1. Arahan Perdana Menteri Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.
2. Jabatan Perdana Menteri. (2019). Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.
3. Kementerian Pengajian Tinggi. (2022). Pelan Antirasuah Kementerian Pengajian Tinggi 2022-2026.
4. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia 2020-2024.
5. Institut Integriti Malaysia. (2021). Pelan Antirasuah Institut Integriti Malaysia (IIM) 2021-2025.
6. Universiti Sains Malaysia. (2023). Pelan Antirasuah Universiti Sains Malaysia 2023-2027. Unit Integriti USM:Pulau Pinang.

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

2024-2028

